

NO. SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Dato' KamarulBaharin Bin Abbas [TelokKemang] mintaPERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) rancangan Kerajaan dalam menguruskan lebih 153 ribu SME (Small Medium Enterprise) dalam industri halal makanan, minuman, premis, ubatan, kosmetik dan haiwan yang sepatutnya layak mendapat sijil halal tetapi hanya 1% sahaja yang telah disahkan mendapat sijil tersebut pada masa kini; dan
- (b) implikasi terhadap industri eksport produk halal Malaysia memandangkan tempoh masakelulusansijil halal mengambil masa yang panjang antara 6 bulan hingga 2 tahun.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk menggalakkan permohonan sijil pengesahan halal dan meningkatkan kesedaran pengusaha-pengusaha mengenai pensijilan halal Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa bertindak aktif menggalakkan pengusaha memohon sijil pengesahan halal. JAKIM dengan kerjasama agensi-agensi pembimbing berkaitan pembangunan industri seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) serta persatuan industri, Institusi pengajian tinggi telah mengambil beberapa pendekatan yang dapat melancarkan permohonan sijil pengesahan halal mereka. Kerjasama melalui program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melalui taklimat, khidmat nasihat industri, klinik halal, dan bengkel mengenai prosedur pensijilan halal dan kepentingan pensijilan halal.

Statistik terkini jumlah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang disemak daripada Laporan Tahunan 2015/16 SME Corp adalah sebanyak 645,136 PKS yang terdiri daripada lima (5)

sektor. Lima sektor berkaitan adalah sektor pembuatan, perkhidmatan, pertanian, pembinaan dan perlombongan. Daripada jumlah tersebut, hanya 5.9 % atau 37,861 syarikat yang terlibat dalam industri pembuatan. Manakala jumlah syarikat pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia di kalangan industri SME (Small Medium Enterprise) (2015 hingga Julai 2017) adalah sebanyak 9,897 syarikat iaitu 26 %.

- (b) Berhubung dengan tempoh masa kelulusan sijil pengesahan halal, Kerajaan melalui JAKIM dari semasa ke semasa telah menyelaraskan inisiatif-inisiatif bagi mempercepat dan memperkasa proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia di seluruh negara. Ini adalah bagi membolehkan isu kelewatan bagi pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia sama ada di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri-negeri mampu diatasi.

Sehingga hari ini, inisiatif baharu bagi mempercepatkan pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia telah dilaksanakan di peringkat JAKIM dan disusuli dengan negeri-negeri. Dalam proses menambahbaik proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), JAKIM telah memperkenalkan empat inisiatif seperti berikut:-

- (a) Kelulusan Segera bagi tiga (3) kategori : -
- i. Fast Track Process - 3 hingga 7 hari;
  - ii. Fast Track Audit – 7 hari; dan
  - iii. Fast Track tanpa ketidakakuran – 14 hari.

- (b) Proses Audit Kombo – 7 hingga 14 hari.
- (c) Halal Expressway – 14 hingga 30 hari
- (d) Halal Fast Lane - 1 hingga 3 hari

Hasilnya, sepanjang Ogos hingga Disember 2016 yang lalu, 86.74% permohonan SPHM telah dapat diproses kurang daripada 30 hari. Proses penambahbaikan ini juga tidak terhenti setakat itu, malah satu lagi inisiatif baharu telah diperkenalkan mulai Januari 2017 iaitu dengan mewujudkan kategori pemohon yang komited dengan SPHM. Melalui inisiatif ini SPHM akan dikeluarkan dalam tempoh tiga hari mengikut kategori yang dikenalpasti.

Sekian, terima kasih.